

Perginya seorang tokoh korporat negara

Oleh **ABDUL RAZAK DIN**
(WARTAWAN UTUSAN)

TOKOH korporat, Tan Sri Mohamad Basir Ismail, 79, meninggal dunia di Pusat Perubatan Universiti Malaya semalam iaitu di tempat beliau sendiri menjadi Pengerusi Majlis Lembaga Pengarahnya.

Walaupun mempunyai kelayakan dalam bidang pertanian, Allahyarham memperluaskan sumbangannya dalam membangunkan ekonomi Malaysia secara keseluruhannya.

Allahyarham ternyata telah banyak mencetuskan pemikiran baru dalam membantu kerajaan merangsang ekonomi negara.

Bagaimanapun ketokohan Mohamad Basir dalam bidang pertanian turut cemerlang kerana ia bukan sahaja terbukti di dalam negara malah di peringkat antarabangsa.

Allahyarham menerima pelbagai anugerah yang belum pernah diperolehi oleh rakyat negara ini khususnya dalam membangunkan golongan penanam getah di negara ini.

Ketokohnya dalam industri sawit negara ini sukar ditandingi sehingga melayakkan Allahyarham dilantik sebagai pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sejak ia ditubuhkan sehingga ke akhir hayatnya.



MOHAMAD BASIR ISMAIL

Selain itu antara jawatan terpenting yang pernah dipegang oleh Mohamad Basir ialah Pengerusi Petronas dan Pengerusi Bank Bumiputera Malaysia Berhad Pengerusi Eksekutif Malaysia Airport Berhad (MAB).

Allahyarham yang meninggal dunia kira-kira pukul 5.30 pagi semalam me-

ninggalkan seorang isteri, Puan Sri Hamidah Abdul Rahman dan empat orang anak.

Um - 20/1/2007
Dilahirkan pada 11 Feb, 1927 di Simpang Matang, Taiping, beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Matang sehingga darjah empat dan kemudiannya melanjutkan pelajaran peringkat menengah di sekolah King Edward VII.

Kerjayanya bermula pada 1951 apabila beliau dilantik pembantu pertanian di Kolej Serdang pada 1951.

Beliau turut memainkan peranan dalam penubuhan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor (PKENJ) pada 1970 yang ketika itu menjadi Pengarah Eksekutifnya.

Selepas meninggalkan sektor kerajaan, beliau menyertai sektor swasta sebagai pengerusi Kumpulan Fima pada 1981.

Beliau juga Pengerusi Kulim (M) Sdn. Bhd, MATTRA, Malaysian Sogoshosha, Cold Storage, Pengarah Cycle and Carriage Bintang Bhd dan Roxy Electric Industries, Pengerusi Eksekutif Bank Bumiputera Malaysia pada 1990 dan Pengerusi Fima Metal Box Bhd pada 1988.

Mohamad Basir juga ialah Pengarah Malaysian Industrial Estates Sdn Bhd, Pengerusi Petronas antara 1988 dan 1995, Pengerusi Capital Issues Committee, dan juga Pengerusi Eksekutif Malaysia Airports.

Allahyarham juga Pengerusi Sepang International Circuit (SIC), penganjur Grand Prix Petronas Malaysia dan Pengerusi United Plantations.

Mohamad Basir juga pernah memegang jawatan sebagai pengerusi dan pengarah di Lembaga Padi dan Beras Nasional, Bank Negara Malaysia, Persatuan Penanam Getah London, Persatuan Penanam Getah Malaysia, Persatuan Bank-Bank Malaysia dan Majlis Universiti Malaya.

Pada 1984, Allahyarham menerima Darjah Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran "Tan Sri" daripada Kerajaan Persekutuan dan menerima anugerah *Golden Award* daripada Persatuan Penanam Getah London pada 1986. Beliau merupakan rakyat Malaysia yang pertama menerima anugerah itu.

Pemergian Allahyarham adalah satu kehilangan besar kepada negara kerana kebijaksanaannya menyelesaikan masalah dalam sektor pertanian yang tiada tolok bandingnya sehingga mendapat pengiktirafan daripada Malaysian Society of Agricultural Engineers (MSAE).

Allahyarham juga begitu berkebolehan dalam bidang perbankan sehingga menjadi fellow Institut Bank Malaysia dan Institut Pengurusan Malaysia.

Semoga Allah mencurahi rahmat ke atas rohnyanya. Amin.